

UMP lonjak penyelidikan berimpak tinggi

Akhbar: UTUSAN MALAYSIA

Tarikh/Hari: 3/5/2017 (PABU)

Ruangan: ALAM AKADEMIK - (TIMUR)

Muka surat: 26

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

utusan@utusan.com.my

■ KUANTAN 2 MEI

SEBANYAK 865 geran diterima Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk melaksanakan projek penyelidikan pada tahun lalu yang sekali gus melonjak pencapaian institusi itu dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pencapaian itu dipacu oleh pusat-pusat kecermieran (COE) yang proaktif dalam meningkatkan kapasiti bidang kekuatan universiti berkenaan.

"Antara COE itu adalah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) yang menerima geran Technofund daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hasil kerjasama dengan pihak industri.

"Pencapaian jalinan kerjasama antara UMP dan agensi antarabangsa juga memperlihatkan pencapaian positif melalui kerjasama dengan Pertubuhan Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara dan Qatar National Research Fund (QNRF)," katanya dalam majlis Anugerah Cendekia Bitara bagi mengiktiraf warga kerja yang mengungguli bidang kejuruteraan, teknologi dan kreativiti di UMP baru-baru ini.

Daing Nasir berkata, antara projek sedang dijalankan adalah Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Kuliah Taffa'uh Fididin (e-TFD) dengan kerjasama



MENTERI Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Daing Nasir Ibrahim (empat dari kanan) beramah mesra bersama penerima anugerah bagi kategori Penerbitan Jurnal dalam majlis Anugerah Cendekia Bitara di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Yayasan Pahang dan Kajian Penyediaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Kuantan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Projek lain adalah Development Of Glutamic Acid And Fluorine Based Ionic Liquid For Solid Scale Dissolution dengan kerjasama Setegap Ventures Petronas Sdn. Bhd.," katanya.

Dalam merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk meningkatkan penglibatan universiti awam bagi membantu peningkatan produktiviti swasta, UMP katanya, menyumbang kepakaran melalui inisiatif Pub-

lic-Private Research Network untuk 10 projek sehingga akhir 2016.

Tambah beliau, UMP juga memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Micromidas Inc., syarikat bioteknologi berpangkalan di Sacramento, California, Amerika Syarikat (AS) bagi kerjasama dalam pembangunan dan pengkomersialan teknologi penghasilan bahan bioplastik dari hasil sisa kilang sawit (POME).

"Sebagai sokongan kepada kerjasama tersebut, UMP membina jaringan dengan LKPP Corporation Sdn. Bhd. (LCSB) sebagai pembekal POME dan penyedia

tapak projek," jelasnya.

Menurutnya lagi, kerjasama dengan Neoptics Inc. yang berpangkalan di San Francisco juga memperkuh sistem sokongan dalam penyelidikan dan pembangunan produk dari sumber herba Malaysia di samping pasaran produk berasaskan herba di AS.

Sementara itu, katanya, kerjasama UMP dengan Eco 24 Co. Ltd. yang berpangkalan di Tokyo, Jepun pula berjaya membangunkan teknologi coating mesra alam untuk kegunaan tempatan sekali gus membuka potensi lebih luas untuk UMP melebarkan jaringannya dengan syarikat lain di Jepun.